



31 Julai 2026
31 July 2026
P.U. (A) 278

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENENTUAN PENDAPATAN KENA CUKAI INDIVIDU BERKENAAN DENGAN KEUNTUNGAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD) 2026

INCOME TAX (DETERMINATION OF CHARGEABLE INCOME OF AN INDIVIDUAL IN RESPECT OF LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP'S PROFIT) RULES 2026

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(PENENTUAN PENDAPATAN KENA CUKAI INDIVIDU BERKENAAN DENGAN
KEUNTUNGAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dibaca bersama-sama perenggan 2 Bahagian XXIII Jadual 1 kepada Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Pendapatan Kena Cukai Individu berkenaan dengan Keuntungan Perkongsian Liabiliti Terhad) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2026 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pendapatan kena cukai

2. (1) Jika seorang individu, yang merupakan seorang pekongsi suatu perkongsian liabiliti terhad bermastautin di Malaysia mempunyai pendapatan yang terdiri daripada keuntungan yang diperoleh dari Malaysia yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan, sama ada dalam bentuk tunai atau barangan, oleh perkongsian liabiliti terhad itu, yang melebihi satu ratus ribu ringgit dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pendapatan kena cukai bagi individu itu berkenaan dengan keuntungan perkongsian liabiliti terhad yang tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XXIII Jadual 1 kepada Akta hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu

- A ialah pendapatan berkanun berkenaan dengan keuntungan perkongsian liabiliti terhad dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu menurut seksyen 54C Akta;
- B ialah pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan
- C ialah pendapatan kena cukai dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang tertakluk kepada cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 Bahagian I dan Bahagian XXIII Jadual 1 kepada Akta.

(2) Jika seorang individu, yang merupakan seorang pekongsi suatu perkongsian liabiliti terhad tidak bermastautin di Malaysia mempunyai pendapatan yang terdiri daripada keuntungan yang diperoleh dari Malaysia yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan, sama ada dalam bentuk tunai atau barangan, oleh perkongsian liabiliti terhad itu, yang melebihi satu ratus ribu ringgit dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pendapatan kena cukai bagi individu itu berkenaan dengan keuntungan perkongsian liabiliti terhad yang tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XXIII Jadual 1 kepada Akta hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu

- A ialah pendapatan berkanun berkenaan dengan keuntungan perkongsian liabiliti terhad dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu menurut seksyen 54C Akta;
- B ialah pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan

C ialah pendapatan kena cukai dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang tertakluk kepada cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1A Bahagian I dan Bahagian XXIII Jadual 1 kepada Akta.

(3) Dalam hal taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) Akta, pendapatan agregat yang disebut dalam subkaedah (1) atau (2) hendaklah termasuk pendapatan daripada isteri atau suami, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika pendapatan kena cukai individu dikenakan dengan keuntungan perkongsian liabiliti terhad telah ditentukan di bawah subkaedah (1) atau (2), apa-apa lebihan pendapatan kena cukai bagi individu itu yang tertakluk kepada cukai hendaklah dikenakan cukai pendapatan bagi tahun taksiran itu pada kadar yang sepatutnya terpakai bagi pendapatan kena cukainya menurut:

- (a) perenggan 1 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta berhubung dengan individu yang bermastautin di Malaysia; atau
- (b) perenggan 1A Bahagian I Jadual 1 kepada Akta berhubung dengan individu yang tidak bermastautin di Malaysia,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

Dibuat 10 Julai 2026

[Perb. MOF.700-3/1/1433 (S); LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29) – 477; PN(PU2)80/JLD.117]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DETERMINATION OF CHARGEABLE INCOME OF AN INDIVIDUAL
IN RESPECT OF LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP'S PROFIT) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with paragraph 2 of Part XXIII of Schedule 1 to the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Determination of Chargeable Income of an Individual in respect of Limited Liability Partnership's Profit) Rules 2026**.

(2) These Rules have effect for the year of assessment 2026 and subsequent years of assessment.

Chargeable income

2. (1) Where an individual, who is a partner of a limited liability partnership resident in Malaysia has income consisting of profits derived from Malaysia paid, credited or distributed, whether in cash or in kind, by the limited liability partnership, which is in excess of one hundred thousand ringgit in a basis period for a year of assessment, the chargeable income of that individual in respect of profits of limited liability partnership which is subject to tax under Part XXIII of Schedule 1 to the Act shall be ascertained in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where

A is the statutory income in respect of limited liability partnership's profit in the basis period for that year of assessment in accordance with section 54C of the Act;

B is the aggregate income in the basis period for that year of assessment; and

C is the chargeable income in the basis period for that year of assessment which is subject to tax as specified in paragraph 1 of Part I and Part XXIII of Schedule 1 to the Act.

(2) Where an individual, who is a partner of a limited liability partnership not resident in Malaysia has income consisting of profits derived from Malaysia paid, credited or distributed, whether in cash or in kind, by the limited liability partnership, which is in excess of one hundred thousand ringgit in a basis period for a year of assessment, the chargeable income of that individual in respect of profits of limited liability partnership which is subject to tax under Part XXIII of Schedule 1 to the Act shall be ascertained in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where

A is the statutory income in respect of limited liability partnership's profit in the basis period for that year of assessment in accordance with section 54C of the Act;

B is the aggregate income in the basis period for that year of assessment; and

C is the chargeable income in the basis period for that year of assessment which is subject to tax as specified in paragraph 1A of Part I and Part XXIII of Schedule 1 to the Act.

(3) In the case of a combined assessment under subsection 45(2) of the Act, the aggregate income referred to in subrule (1) or (2) shall include the income from the wife or husband, as the case may be.

(4) Where chargeable income of the individual in respect of the limited liability partnership's profit has been determined under subrule (1) or (2), any excess of the chargeable income of that individual which is subject to tax shall be charged to income tax for that year of assessment at the rate that would have been applicable to his chargeable income pursuant to:

(a) paragraph 1 of Part I of Schedule 1 to the Act in relation to an individual who is resident in Malaysia; or

(b) paragraph 1A of Part I of Schedule 1 to the Act in relation to an individual who is not resident in Malaysia,

as the case may be.

Made 10 July 2026

[Perb. MOF.700-3/1/1433 (S); LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29) – 477; PN(PU2)80/JLD.117]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]